

PERBAHASAN 'ULŪM AL-ḤADĪTH DALAM UŞŪL AL-FIQH MAZHAB SYAFII

Mohd. Khafidz bin Soroni

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor,
Malaysia. Tel.: 013-2907870. E-mail: mohdkhafidz@kuis.edu.my

Abstrak

Disiplin 'Ulūm al-Ḥadīth pada peringkat awal muncul secara berperingkat-peringkat sehinggalah ia mencapai tahap matang pada kurun ke tujuh hijrah, iaitu dengan munculnya karya Imam Ibn al-Ṣalāḥ (w. 643 H) yang masyhur dengan judul Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ. Dalam sejarah perkembangan disiplin 'Ulūm al-Ḥadīth, terdapat pelbagai karya 'Ulūm al-Ḥadīth yang telah disusun oleh ulama yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan mazhab fiqh. Bagaimanapun, perbahasan Ulūm al-Ḥadīth bukan sahaja terdapat di dalam karya-karya 'Ulūm al-Ḥadīth, malah ia turut terdapat di dalam karya-karya Uşūl al-Fiqh. Keberadaan perbahasan 'Ulūm al-Ḥadīth dalam karya-karya Uşūl al-Fiqh ini tidak seharusnya dipandang secara berasingan daripada disiplin 'Ulūm al-Ḥadīth dari aspek umum. Namun begitu, karya-karya Uşūl al-Fiqh ini umumnya dibina dalam kerangka sesebuah mazhab fiqh sahaja. Justeru, muncullah pelbagai karya Uşūl al-Fiqh dalam kerangka berbagai mazhab fiqh. Bagaimanapun khusus di dalam artikel ini, penumpuan akan diberi terhadap karya-karya Uşūl al-Fiqh salah sebuah mazhab fiqh sahaja, iaitu mazhab Syafii. Kajian kualitatif berdasarkan analisis dokumen ini meninjau mengenai persoalan tersebut melalui tinjauan terhadap perbahasan 'Ulūm al-Ḥadīth dalam disiplin Uşūl al-Fiqh mazhab Syafii. Penulis mendapati perbahasan Ulūm al-Ḥadīth dalam disiplin Uşūl al-Fiqh sesuatu mazhab fiqh wajar diberi perhatian dan diambil kira dalam disiplin Ulūm al-Ḥadīth dari aspek umum di atas faktor kedua-duanya memiliki objektif yang bersepadu.

Kata kunci: Hadis; 'Ulūm al-Ḥadīth; Uşūl al-Fiqh; Mazhab Fiqah; Syafii

(THE DEBATES OF ‘ULŪM AL-ḤADĪTH WITHIN ‘UṢŪL AL-FIQH OF SYAFII DENOMINATION)

Abstract

During its early years, the discipline of ‘Ulūm al-Ḥadīth gradually emerged into existence until it reached maturity in the seventh century with the appearance of the famous work by Imam Ibn al-Ṣalāḥ (deceased in 643H) entitled Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ. In the history of the development of ‘‘Ulūm al-Ḥadīth, scholars of diverse educational backdrops and fiqh denominations have arranged various works of ‘Ulūm al-Ḥadīth. Nonetheless, the debates of ‘‘Ulūm al-Ḥadīth are not restricted within the works of ‘Ulūm al-Ḥadīth alone but also appear in the works of Uṣūl al-Fiqh. The existence of the discussions within the works of Uṣūl al-Fiqh should not be perceived in separation with the discipline of ‘‘Ulūm al-Ḥadīth generally. Nevertheless, these works of Uṣūl al-Fiqh were generally constructed solely within the framework of a fiqh denomination. Hence, there are innumerable works of Uṣūl al-Fiqh within the framework of numerous grand fiqh denominations. Despite this, the sole focus of this article is on the works of Uṣūl al-Fiqh of one fiqh denomination namely Syafii denomination. This document-analysis based qualitative research reviewed such enquiries through studying the debates of ‘Ulūm al-Ḥadīth within the discipline of Uṣūl al-Fiqh of the Syafii denomination. The researcher found that the debates of ‘Ulūm al-Ḥadīth within the discipline of Uṣūl al-Fiqh of a fiqh denomination should receive sensible attention and consideration into the discipline of ‘Ulūm al-Ḥadīth generally based on the factor that both have integrated objectives.

Keywords: *Hadith, ‘Ulūm al-Ḥadīth, Uṣūl al-Fiqh, Fiqh Denomination, Syafii.*

Received: February 26, 2019

Accepted: April 22, 2019

Online Published: June 13, 2019

1. Pendahuluan

Penumpuan ulama terhadap hadis bukan sekadar memastikan kedudukannya sama ada sahih atau tidak, malah mereka turut memberi perhatian terhadap cara-cara mengistinbatkan hukum daripadanya. Bagi memastikan kedudukan hadis sama ada sahih, hasan, daif dan sebagainya, para ulama telah menyusun disiplin *‘ulūm al-ḥadīth*. Manakala bagi mengistinbatkan hukum daripada hadis sama ada wajib, sunat, harus dan sebagainya, mereka telah menyusun disiplin *uṣūl al-fiqh*. Berdasarkan penelitian, didapati perbahasan *‘ulūm al-ḥadīth* sebenarnya bukan sahaja terdapat di dalam karya-karya *‘ulūm al-ḥadīth*, malah hakikatnya turut terdapat di dalam karya-karya *uṣūl al-fiqh*. Keberadaan perbahasan *‘ulūm al-ḥadīth* di dalam disiplin *uṣūl al-fiqh* ini tidak sewajarnya dipandang secara berasingan daripada disiplin *‘ulūm al-ḥadīth* kerana adanya unsur kesinambungan yang dapat dikonsistensikan antara kedua-dua bidang. Justeru bagi menjelaskan kerelatifan ini, perbincangan akan difokuskan terhadap perbahasan-perbahasan *‘ulūm al-ḥadīth* yang wujud di dalam disiplin *uṣūl al-fiqh*. Bagaimanapun, penumpuan hanya khusus diberi terhadap karya-karya *uṣūl al-fiqh* mazhab Syafii sahaja sebagai sampel kajian bagi mazhab-mazhab fiqh yang muktabar.

2. Definisi Uṣūl al-Fiqh

Terdapat berbagai definisi *uṣūl al-fiqh* yang dikemukakan oleh ulama usul mazhab Syafii. Antaranya ialah:

- i. Menurut al-Juwayni (1415: 7), ilmu *uṣūl al-fiqh* ialah kaedah-kaedah fiqh secara ijmal (menyeluruh) dan kaifiat (cara) mengambil dalil dengannya.
- ii. Menurut al-Baydawi (2006: 16) ialah mengenal pasti dalil-dalil fiqh secara ijmal dan kaifiat mengambil faedah (hukum hakam) daripadanya serta hal keadaan orang yang mengambil faedah itu.
- iii. Menurut al-Zarkasyi (1994: 1/39), himpunan kaedah-kaedah fiqh secara ijmal dan kaifiat mengambil dalil serta hal keadaan orang yang mengambil dalil dengannya.

Kebanyakan definisi yang diberikan oleh ulama usul lain tidak begitu jauh dengan definisi-definisi di atas. Secara rumusan, ilmu *uṣūl al-fiqh* ialah ilmu yang membincangkan tentang dalil-dalil fiqh secara ijmal serta kaifiat mengambil dalil daripadanya, di samping turut membincangkan tentang hal ehwal orang yang mengambil dalil dengannya, iaitu mujtahid ataupun mufti.

3. Perkembangan Disiplin *Uṣul al-Fiqh*

Secara realiti, disiplin *uṣūl al-fiqh* belum ditulis di zaman Nabi SAW mahupun di zaman para sahabat RA. Bagaimanapun, manhaj ilmu ini sudah pun terdapat di zaman tersebut sebagaimana diriwayatkan dalam sebuah hadis:

عن مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ: كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ؟ قَالَ: أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ، قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ؟ قَالَ: فَيُسْتَأْذَنُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ؟ قَالَ: أَجْتَهِدُ رَأْيِي وَلَا أَلُو. فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ وَقَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ. (رواه أبو داود والترمذي والدارمي. وصححه جماعة من المحققين كالزبدوي والحويني وابن العربي والخطيب البغدادي وابن القاص الشافعي وابن تيمية وابن كثير وغيرهم)

Terjemahan:

Daripada Mu'adh bin Jabal RA bahawa Rasulullah SAW ketika hendak mengutuskan Mu'az ke Yaman, baginda bertanya: "Bagaimana kamu mahu berhukum jika dihadapkan kepadamu suatu masalah?" Jawabnya: "Aku akan berhukum dengan kitab Allah." Baginda bertanya: "Jika kamu tidak dapati di dalam kitab Allah?" Jawabnya: "Maka, dengan sunnah Rasulullah." Baginda bertanya: "Jika kamu tidak dapati di dalam sunnah Rasulullah mahu pun di dalam kitab Allah?" Jawabnya: "Aku akan berijtihad dengan pandanganku dan aku tidak akan berundur". Lalu Rasulullah SAW pun menepuk dadanya dan bersabda: "Alhamdulillah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah dengan apa yang membuatkan Rasulullah berasa redha". (HR Abu Dawud, al-Tirmizi dan al-Darimi dan dinilai sahih oleh ramai ulama seperti al-Bazdawi, al-Juwayni, Ibn al-'Arabi, al-Khatib al-Baghdadi, Ibn al-Qas al-Syafi'i, Ibn Taymiyyah, Ibn Kathir dan lain-lain)

Ini menunjukkan bahawa para sahabat apabila mereka tidak menemukan hukum sesuatu masalah di dalam al-Quran, maka mereka akan merujuk kepada

sunnah Rasulullah SAW. Dan jika mereka tidak menemukan hukum tersebut di dalam sunnah Rasulullah SAW, barulah mereka akan berijtihad. Jelasnya, manhaj ilmu ini sudah ada di dalam jiwa para sahabat Nabi SAW yang berjalan di atas petunjuk baginda. Ini kerana mereka sudah menguasai uslub-uslub bahasa Arab serta makna-maknanya, mengetahui sebab-sebab penurunan ayat al-Quran dan pengucapan hadis Nabi SAW, memahami sudut-sudut pendalilan daripada keduanya serta rahsia-rahsia dan hikmah-hikmah pensyariatannya.

Setelah berakhirnya generasi para sahabat RA, umat Islam di zaman Tabiin semakin berkembang dan bertambah ramai. Maka, telah berlaku percampuran antara golongan Arab dengan golongan Ajam (bukan Arab) sehingga muncullah banyak masalah-masalah dan perkara-perkara baharu. Ini telah mendorong kepada berlakunya banyak proses ijtihad daripada imam-imam mujtahid. Akhirnya mendorong pada keperluan untuk menulis disiplin *uṣūl al-fiqh* sebagai suatu manhaj dalam mengistinbat hukum hakam. (lihat: al-Khin, 2000: 80-86)

Antara ulama terawal yang direkodkan menulis disiplin *uṣūl al-fiqh* ialah al-Qadi Abu Yusuf (w. 182H) dan Imam Muhammad bin al-Hasan (w. 189H) (al-Kawthari 2004a: 93; 2004b: 200; al-Zirikli 8/193). Meskipun mereka lebih awal, namun Imam al-Syafii merupakan tokoh yang paling masyhur disebut sebagai orang pertama yang menyusun kitab *uṣūl al-fiqh* dengan kitabnya, *al-Risalah*.

Menurut Syeikh al-Kawthari (w. 1371H), keawalan Abu Yusuf dalam menyusun disiplin *uṣūl al-fiqh* adalah dinisbahkan khusus kepada mazhab Imam Abu Hanifah (w. 150H). Manakala keawalan *al-Risalah* susunan Imam al-Syafii (w. 204H) dalam disiplin *uṣūl al-fiqh* pula adalah dinisbahkan khusus kepada mazhab beliau (al-Kawthari 2004a: 93; 2004b: 200).

Sezaman dengan Imam al-Syafii, Imam 'Isa bin Aban (w. 220H) telah mengarang beberapa kitab bagi mempertahankan usul mazhab Abu Hanifah antaranya kitab *al-Hujaj al-Saghir* yang membincangkan tentang ilmu hadis dan kitab *al-Radd 'ala al-Marisi wa al-Syafii* yang membincangkan tentang syarat-syarat penerimaan hadis (*qabul al-akhbar*). Karya-karya beliau mengandungi sejumlah ilmu *usul* yang dinukilkan daripada gurunya, Imam Muhammad bin al-Hasan (al-Kawthari 2004b: 186; Mohd. Khafidz 2018: 44).

Juga sezaman dengan Imam al-Syafii, 'Abd al-Malik bin Qarib al-Asma'i (w. 215H), tokoh sasterawan Arab yang masyhur, direkodkan oleh Haji Khalifah dalam *Kasyf al-Zunun* ada menyusun kitab *al-Ajnas fi Usul al-Fiqh* (Haji Khalifah 1994: 1/74)

Bagaimanapun, kesemua karya yang disebutkan itu tidak sampai kepada kita pada hari ini kecuali kitab *al-Risalah* oleh Imam al-Syafii. Mungkin di atas sebab inilah, kebanyakan ilmuwan menyatakan bahawa Imam al-Syafii merupakan tokoh pertama yang menyusun kitab *uṣūl al-fiqh*, sehingga Imam al-Asnawi di dalam *al-Tamhid* telah menghikayatkan ijmak ulama mengenainya (Haji Khalifah 1994: 1/144). Di dalam *al-Risalah*, Imam al-Syafii telah menerangkan berkenaan al-Quran serta fungsinya dalam menjelaskan hukum-hakam, *al-sunnah* serta peranannya dalam menjelaskan al-Quran, masalah *nasikh* dan *mansukh*, *ikhtilaf al-hadith*, khabar *ahad* dan kehujahannya, ijmak, *qiyas* dan sebagainya daripada perbahasan-perbahasan usul.

4. Sumbangan Ulama Syafii Dalam Penyusunan *Uṣūl al-Fiqh*

Selepas Imam al-Syafii, terdapat ramai ulama yang telah menulis ilmu *uṣūl al-fiqh*. Namun, corak penulisan mereka boleh dibahagikan kepada dua aliran utama iaitu:

aliran al-Hanafiyyah dan aliran al-Mutakallimin (al-Khin, 2010: 116; Ibn Khaldun t.t.: 504).

Aliran al-Hanafiyyah yang juga dipanggil dengan aliran al-Fuqaha' merujuk kepada ulama fiqah mazhab Hanafi secara umumnya. Dalam menyusun disiplin *usul al-fiqh*, aliran ini lebih memberi fokus pada menetapkan kaedah usul berdasarkan furuk-furuk fiqah yang dinukilkan daripada imam-imam mereka. Mereka berpendapat, ia adalah kaedah-kaedah yang telah diberikan perhatian oleh imam-imam berkenaan ketika mereka membina furuk-furuk fiqah tersebut (al-Khin, 2000: 304). Antara tokoh-tokoh mereka ialah Abu Mansur al-Maturidi (w. 333H) menyusun kitab *Ma'khdh/Ma'akhidh al-Syara'i*, Abu al-Hasan al-Karkhi (w. 340H) menyusun *Risalah fi al-Usul*, Abu Bakr al-Jassas al-Razi (w. 370H) menyusun kitab *al-Fusul fi al-Usul*, Abu Zayd al-Dabusi (w. 430H) menyusun kitab *al-Anwar fi Usul al-Fiqh*, kitab *Taqwim al-Adillah* dan kitab *Ta'sis al-Nazar*. Fakhr al-Islam al-Bazdawi (w. 482H) menyusun kitab *Kanz al-Wusul ila Ma'rifat al-Usul*, Syams al-A'immah al-Sarakhsi (w. 483H) menyusun kitab *al-Usul*, Muzaffar al-Din Ibn al-Sa'ati (w. 694H) menyusun kitab *al-Bada'i* atau *Badi' al-Nizam*, 'Ala' al-Din al-Usmadi (w. 552H) menyusun kitab *Badhl al-Nazar*, dan lain-lain.

Manakala aliran al-Mutakallimin merangkumi majoriti ulama mazhab Syafii, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali. Dalam menyusun disiplin *usul al-fiqh*, aliran ini lebih memberi fokus pada meredaksi permasalahan, menetapkan kaedah dan menentukan ukuran berserta pendalilan akal semampu mungkin, secara mengasingkan masalah-masalah usul daripada furuk-furuk fiqah, tanpa melihat dalam soal demikian kepada sesuatu mazhab itu sendiri (al-Khin, 2000: 285).

Bagaimanapun, ulama Syafii kelihatan lebih mendominasi dalam kalangan aliran al-Mutakallimin ini. Antara tokoh-tokoh mereka ialah:

- i. Abu Bakr Muhammad bin 'Abdullah al-Sayrafi al-Syafi'i (w. 330H). Beliau menyusun kitab *Usul al-Sayrafi* yang merupakan antara kitab usul yang muktabar di kalangan ulama (Haji Khalifah 1994: 1/146). Beliau juga menyusun beberapa kitab usul lain seperti *al-Dala'il wa al-A'lam*, *Syarh al-Risalah* dan *Kitab al-Ijma'*. Bagaimanapun, kesemua kitab beliau tidak sampai kepada kita pada hari ini. Namun, pandangan-pandangan beliau banyak dinukilkan oleh para ulama sehingga mendorong seorang pengkaji, Tawfiq 'Aqun menghimpunkannya secara khusus di dalam sebuah kitab berjudul: *al-Ara' al-Usuliyah li al-Imam Abi Bakr al-Sayrafi* (2001).
- ii. Abu Ishaq Ibrahim bin Ahmad al-Marwazi al-Syafi'i (w. 340H). Beliau menyusun kitab *al-Fusul fi 'Ilm al-Usul*.
- iii. al-Qadi 'Abd al-Jabbar bin Ahmad al-Mu'tazili al-Syafi'i (w. 415H). Beliau menyusun kitab *al-'Umad fi Usul al-Fiqh*.
- iv. Abu Ishaq Ibrahim bin Muhammad al-Isfarayini al-Syafi'i (w. 418H). Beliau menyusun *Risalah fi Usul al-Fiqh* (al-Zirikli 2002: 1/61).
- v. Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Muhammad al-Baghdadi al-Syafi'i (w. 429H). Beliau menyusun kitab *al-Tahsil fi Usul al-Fiqh* (Haji Khalifah 1994: 1/309).

- vi. Abu al-Husayn Muhammad bin ‘Ali al-Basri al-Mu‘tazili al-Syafi‘i (w. 436H). Beliau menyusun kitab *al-Mu‘tamad fi Usul al-Fiqh*. Daripada kitab ini, Imam Fakhr al-Din al-Razi telah menyusun kitab *al-Mahsul* (Haji Khalifah 1994: 2/594).
- vii. Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali al-Khatib al-Baghdadi (w. 462H). Beliau menyusun kitab *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*.
- viii. Abu al-Ma‘ali ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullah al-Juwayni yang masyhur dengan gelaran Imam al-Haramayn (w. 478H). Beliau menyusun kitab *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*, *al-Tuhfah fi Usul al-Fiqh*, *Talkhis al-Taqrir wa al-Irsyad* dan *al-Waraqat*, sebuah matan ringkas yang telah disyarahkan oleh ramai ulama seperti Ibn al-Farkah (w. 690H), al-Mahalli (w. 864H), Imam al-Kamiliyyah (w. 874H), Ibn Qutlubugha (w. 879H), Ibn Qasim (w. 992H), Ibrahim al-Halabi (w. sekitar 1030H) dan lain-lain (Haji Khalifah 1994: 2/796).
- ix. Abu Ishaq Ibrahim bin ‘Ali al-Syirazi al-Syafi‘i (w. 476H). Beliau menyusun kitab *al-Tabsirah fi Usul al-Fiqh*, *al-Luma‘ fi Usul al-Fiqh* dan *Syarh al-Luma‘*.
- x. Abu Nasr ‘Abd al-Sayyid bin Muhammad bin al-Sabbagh al-Syafi‘i (w. 477H). Beliau menyusun kitab *Tadhkirah al-‘Alim wa al-Tariq al-Salim fi Usul al-Fiqh* (Haji Khalifah 1994: 1/328).
- xi. Abu al-Muzaffar Mansur bin Muhammad al-Sam‘ani al-Syafi‘i (w. 489H). Beliau menyusun kitab *Qawati‘ al-Adillah fi Usul al-Fiqh*. Kata al-Zarkasyi (1994: 1/11): “Ia adalah kitab yang paling agung dalam *usul al-fiqh* bagi ulama Syafii dari segi penukilan serta penghujahan”.
- xii. Hujjah al-Islam Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (w. 505H). Beliau menyusun kitab *al-Mustasfa fi Usul al-Fiqh* yang disusun selepas beliau menyusun perbagai karya dalam bidang fiqh dan tasawuf, *Syifa’ al-‘Alil fi Bayan Masalik al-Ta’lil* dan *al-Mankhul min Ta’liqat al-Usul*.
- xiii. Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar al-Razi al-Syafi‘i (w. 606H). Beliau menyusun kitab *al-Mahsul fi Usul al-Fiqh*, *Muntakhab al-Mahsul* dan *al-Ma‘alim fi Usul al-Fiqh*. Rujukan utama kitab *al-Mahsul* ialah kitab *al-Mustasfa* oleh al-Ghazali dan kitab *al-Mu‘tamad* oleh Abu al-Husayn al-Basri al-Mu‘tazili. Kitab *al-Mahsul* telah diulas oleh beberapa ulama seperti Ibn Hamud al-Asbahani (w. 678H), al-Qarafi al-Maliki (w. 684H), Ibn Sabih al-Juzajani (w. 744H) dan ‘Abd al-Hamid bin Hibatullah al-Mu‘tazili (w. 655H). Ia juga telah diringkaskan oleh sebilangan ulama seperti Mahmud al-Armawi (w. 682H) yang ringkasannya telah disyarah oleh Imam al-Jazari (w. 733H) dalam 3 jilid, Taj al-Din al-Armawi (w. 656H) yang ringkasannya telah dimanfaatkan oleh al-Baydawi, juga telah diringkaskan oleh ‘Abd al-Rahim al-Mawsili (w. 771H), al-Tufi al-Hanbali (w. 710H), ‘Ala’ al-Din al-Baji (w. 714H) dan Amin al-Din al-Tabrizi (w. 621H) (Haji Khalifah 1994: 2/508). Manakala kitab *al-Ma‘alim* telah

disarankan oleh beberapa ulama seperti Abu al-Husayn al-Armawi (w. 757H), Syaraf al-Din al-Munawi (w. 757H), Ibn al-Tilimsani (w. 644H) dan Najm al-Din (w. 663H) (Haji Khalifah 1994: 2/590).

- xiv. Sayf al-Din ‘Ali bin Muhammad al-Amidi (w. 631H). Beliau menyusun kitab *al-Ihkam fi Qawa'id al-Ahkam* dan mukhtasarnya *Muntaha al-Sul*. Kitab ini telah diringkaskan oleh Ibn al-Hajib al-Maliki (w. 646H) dengan judul *Muntaha al-Sul wa al-Amal* yang sangat populer dengan nama: *Mukhtasar Ibn al-Hajib*.
- xv. ‘Izz al-Din ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd al-Salam (w. 660H). Beliau menyusun kitab *al-Imam fi Bayan Adillah al-Ahkam*.
- xvi. Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w. 676H). Beliau menyusun kitab *al-Usul wa al-Dawabit* dan mukadimah kitab *al-Majmu’*nya juga terdapat sedikit pembahasan usul.
- xvii. al-Qadi ‘Abdullah bin ‘Umar al-Baydawi (w. 685H). Beliau menyusun kitab *Minhaj al-Wusul ila ‘Ilm al-Usul* yang amat masyhur sehingga disarankan oleh lebih 40 orang ulama. Antara yang terbaik ialah syarah Imam Taqiy al-Din ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi al-Subki (w. 756H) berjudul: *al-Ibhaj fi Syarh al-Minhaj*.
- xviii. Taqiy al-Din Muhammad bin ‘Ali yang terkenal dengan gelaran Ibn Daqiq al-Id (w. 702H). Beliau menyusun kitab *‘Unwan al-Wusul fi al-Usul* dan *Syarh ‘Unwan al-Wusul*. Kata al-Zarkasyi (1994: 1/14): “Dan dengan beliaulah berakhirnya tahkik di dalam seni ilmu ini”.
- xix. Taj al-Din ‘Abd al-Wahhab bin ‘Ali al-Subki (w. 771H). Beliau menyusun kitab *Jam’ al-Jawami’ fi Usul al-Fiqh* yang telah merujuk kepada kira-kira 100 buah kitab usul dan ulasannya *Man’ al-Mawani’*. Kitab *Jam’ al-Jawami’* telah disyarah oleh ramai ulama, antara syarahnya yang terbaik ialah syarah Jalal al-Din al-Mahalli (w. 864H) (Haji Khalifah 1994: 1/467).
- xx. Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah al-Zarkasyi (w. 794H). Beliau menyusun kitab *Salasil al-Dhahab fi al-Usul*, kitab *al-Bahr al-Muhit* dan kitab *Tasyrif al-Masami’ bi Jam’ al-Jawami’*.

Dan banyak lagi kitab-kitab lain yang tidak dapat disenaraikan kesemuanya di sini. Ibn Khaldun (t.t.: 504) menyebut bahawa antara karya-karya berkenaan, kitab *al-Burhan* oleh al-Juwayni, kitab *al-Mustasfa* oleh al-Ghazali, kitab *al-‘Umad* oleh al-Qadi ‘Abd al-Jabbar dan *al-Mu’tamad* oleh Abu al-Husayn al-Basri merupakan empat kitab asas yang terpenting di dalam disiplin *usul al-fiqh* aliran al-Mutakallimin. Keempat-empatnya pula telah diringkaskan oleh Fakhr al-Din al-Razi dalam kitab *al-Mahsul* dan Sayf al-Din al-Amidi dalam kitab *al-Ihkam*.

5. Perbahasan ‘Ulūm al-Ḥadīth Dalam Uṣul al-Fiqh Mazhab Syafii

Disiplin *uṣūl al-fiqh* merangkumi perbahasan dalil-dalil yang disepakati (iaitu al-Quran, sunnah, ijmak dan *qiyas*) dan dalil-dalil yang tidak disepakati (iaitu *qawl al-shahabi*, *al-istihsan*, *al-istishab*, *al-‘urf*, *syar’u man qablana* dan sebagainya).

Bagaimanapun, di dalam kajian ini akan lebih memfokuskan kepada perbahasan yang terdapat di dalam bab sunnah yang di dalamnya banyak melibatkan perbahasan '*ulūm al-ḥadīth*'. Perbincangan kajian mengenainya adalah sepertimana berikut:

i. Pembahagian Khabar Kepada *Mutawatir* dan *Ahad*

Sebelum membicarakan tentang khabar *mutawatir* dan khabar *ahad*, perlu dinyatakan terlebih dahulu bahawa kebanyakan kitab *uṣūl al-fiqh* membahagikan khabar secara umum kepada tiga bahagian iaitu;

- a) khabar yang diyakini benarnya, atau wajib dibenarkan.
- b) khabar yang diyakini dustanya, atau diketahui dustanya.
- c) khabar yang tidak dapat diyakini dengan salah satu daripadanya (al-Juwayni, 1399: 583), atau tidak diketahui benar atau dusta (al-Ghazali, t.th. 2/162-175), atau yang boleh jadi benar atau dusta padanya (al-Sam'ani, 1999: 1/324), atau hanya disangka benarnya (al-Baydawi 2006: 76).

Di bawah setiap bahagian dalam pembahagian tersebut dinyatakan contoh-contoh khabar yang relevan dengannya. Khabar *mutawatir* disebut sebagai antara contoh khabar yang diyakini benarnya dan khabar *ahad* pula disebut sebagai antara contoh khabar yang boleh jadi benar atau dusta, atau hanya disangka benarnya.

Hadis *mutawatir* ialah hadis yang mempunyai bilangan perawi yang ramai pada setiap peringkat sanad sehingga logik akal secara kebiasaannya menolak kemungkinan para perawi tersebut bersepakat untuk melakukan pendustaan terhadap hadis yang mereka riwayatkan, di samping ianya bersandarkan kepada pancaindera. Hadis *mutawatir* menghasilkan *al-'ilm*, yakni *al-'ilm al-yaqini* atau *al-'ilm al-daruri* yang menghasilkan iktikad yang jazam. Istilah *al-'ilm* juga seerti dengan istilah *al-yaqin* dan *al-qat'* (al-Syirazi, 1995: 152; al-Juwayni, 1399; al-Ghazali, t.th. 2/131).

Menurut al-Syirazi (1995: 152), hadis *mutawatir* mempunyai tiga syarat iaitu:

- a) Orang-orang yang menyampaikannya mencapai bilangan yang tidak mungkin mereka bersepakat untuk berdusta. Bilangan tersebut pula tidak perlu dikhusus dengan angka tertentu.
- b) Keadaan bilangan ini sama, baik di awal, di tengah dan juga di akhir.
- c) Khabar tersebut pada asalnya berdasarkan penyaksian atau pendengaran, bukannya berdasarkan pemerhatian dan ijtihad.

Manakala menurut al-Ghazali (t.th. 2/138), hadis *mutawatir* mempunyai empat syarat iaitu:

- a) Mereka menyampaikannya berdasarkan '*ilm*', bukannya *zan*.
- b) '*Ilm*' mereka itu secara *daruri* yang disandarkan kepada pancaindera.
- c) Keadaan sifat-sifat dan bilangan yang sempurna ini sama, baik di awal, di tengah dan juga di akhir.
- d) Bilangan sempurna yang menghasilkan '*ilm*', tanpa membataskan bilangannya dengan angka tertentu.

Manakala hadis *ahad* ialah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis *mutawatir*. Bagaimanapun, para ilmuwan berselisih mengenai kedudukan hadis

ahad dari sudut ilmu (tahap keyakinan) yang boleh dibahagikan kepada dua pandangan utama berikut:

a. Pandangan pertama

Jumhur ulama, iaitu ulama Hanafi, ulama Syafii, majoriti ulama Maliki, majoriti ulama Hanbali dan lain-lain berpendapat hadis *ahad* hanya menghasilkan *al-zan* (besar kemungkinan) dan *al-'amal* (praktikal) sahaja, bukannya *al-'ilm* (keyakinan) (al-Turkamānī 2009: 125-127). Ini disebabkan ada kemungkinan berlaku padanya kesilapan, kelalaian atau 'campur tangan' daripada perawi. Ciri *al-zan* ini sudah memadai untuk dapat diamalkan dalam masalah fiqah, namun tidak memadai diambil dalam masalah akidah.

Bagaimanapun, terdapat khabar *ahad* yang diperselisihkan sama ada ia menghasilkan *al-zan* atau *al-'ilm*. Ini kerana khabar *ahad* ini diiringi dan diperkuatkan dengan dalil-dalil sokongan (المختف بالقرائن). Cuma *al-'ilm* yang dimaksudkan ialah *al-'ilm al-nazari* (keyakinan melalui penelitian) kerana ianya terhasil berdasarkan penelitian dan pendalilan oleh mereka yang berkeahlian. Manakala sebahagian ulama usul seperti al-Juwayni (1415: 6) dan Abu Mansur al-Baghdadi (1981: 12-18) menamakannya sebagai *al-'ilm al-muktasab* (keyakinan yang diusahakan).

Antara khabar *ahad* yang dikatakan menghasilkan *al-'ilm al-nazari* ialah hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang disepakati paling sahih oleh para ulama, kecuali hadis-hadisnya yang dikritik oleh para huffaz atau terdapat percanggahan di antara makna-maknanya. Antara ulama yang berpendapat sedemikian ialah; Abu Ishaq al-Isfarayini, al-Humaydi, Ibn Tahir al-Maqdisi dan lain-lain (Ibn Hajar, 1996: 30). Juga Abu Hamid al-Isfarayini, Ibn Furak, al-Qadi Abu Tayyib al-Tabari, Abu Ishaq al-Syirazi, al-Sarakhsi al-Hanafi, al-Qadi 'Abd al-Wahab al-Maliki, Abu Ya'la al-Hanbali, Ibn al-Zaghuni al-Hanbali, Ibn Kathir, al-Hafiz Ibn Hajar, Ibn al-Salah dan al-Suyuti (al-Tarmasi, t.th.: 11). Ulama usul yang mengatakan khabar *ahad* yang diperkuatkan dengan *qara'in* (dalil-dalil sokongan) boleh menghasilkan *al-'ilm al-nazari* juga dapat dibariskan bersama mereka seperti al-Amidi (1404: 2/48), Ibn al-Hajib (1326: 51), al-Subki (2003: 66) dan lain-lain.

Antara khabar *ahad* yang menghasilkan *al-'ilm al-nazari* ialah hadis *masyhur* yang mempunyai perbagai jalan riwayat yang bebas daripada sebarang kelemahan dan kecacatan. Abu Mansur al-Baghdadi menamakannya sebagai *mustafid* (مستفيد) (al-Baghdadi, 1981: 12-18). Demikian juga Abu Ishaq al-Isfarayini dan Ibn Furak. Mereka semua berpendapat dengan pendapat ini (al-Subki 2003: 66). Bagaimanapun, Imam al-Haramayn al-Juwayni menolak pandangan mereka kerana ia masih tetap dianggap berat pada *al-zan* (besar kemungkinan) pada tahap benarnya, bukannya *al-qat'* (pasti) pada tahap benarnya (al-Juwayni, 1399: 584).

Kesan perbahasan usul ini telah mempengaruhi al-Hafiz Ibn Hajar di dalam kitab '*ulūm al-ḥadīthnya*, *Nuzhah al-Nazar*. Beliau merumuskan, hadis *ahad* yang menghasilkan *al-'ilm al-nazari* ini ada tiga iaitu:

- hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*.
- hadis *masyhur* yang mempunyai perbagai jalan riwayat yang bebas daripada sebarang kelemahan dan kecacatan.
- hadis *musalsal* dengan para imam yang *hafiz* lagi *mutqin* (Ibn Hajar, 1996: 29-31).

Kata al-Hafiz Ibn Hajar (1996: 29) dalam mengharmonikan pandangan yang menolak khabar *ahad* yang mempunyai *qara'in* boleh menghasilkan *al-'ilm*:

“Perselisihan tersebut dari segi tahkik adalah lafzi sahaja kerana orang yang membolehkan istilah al-'ilm dilafazkan mengaitkan ianya sebagai nazari yang terhasil berdasarkan pendalilan. Manakala orang yang enggan membolehkannya pula kerana mengkhususkan lafaz al-'ilm hanya untuk mutawatir sahaja dan yang selainnya adalah bersifat zan baginya, akan tetapi dia tidak menafikan bahawa apa yang diiringi oleh qara'in (dalil sokongan/bukti iringan) itu lebih rajih berbanding dari yang tidak diiringi olehnya”.

b. Pandangan kedua

Berlawanan dengan pandangan jumhur, sebilangan ilmuwan berpendapat, khabar *ahad* menghasilkan *al-'ilm*. al-Juwayni (1399: 606) menolak pendapat ini dan menyandarkan pandangan minoriti ini kepada golongan Hasyawiyyah dari kalangan Hanabilah dan perawi hadis. Ibn Hazm dalam kitab *al-Ihkam* menisbakkannya kepada Dawud al-Zahiri, al-Husayn al-Karabisi, al-Muhasibi dan lain-lain serta beliau menyetujui pandangan mereka. Manakala Ibn Khuwayz Mindad menisbakkannya kepada Imam Malik. Namun, al-Zarkasyi mempertikaikan penisbabbannya kepada al-Muhasibi dan Malik kerana ia tidak sabit daripada mereka (al-Zarkasyi 1994: 6/134).

Juga ada dinukilkan satu pandangan daripada Imam Ahmad (al-Subki 2003: 66). Namun, Ibn Qudamah (2009: 126) memberi ulasan bahawa boleh jadi maksud Imam Ahmad itu hanya khusus berkaitan dengan hadis-hadis *al-ru'yah* (melihat Allah) dan seumpamanya yang ramai perawinya, yang sudahpun diterima oleh umat dan yang ada bukti-bukti menunjukkan kebenaran orang yang menukilkannya.

Berdasarkan penelitian, kemungkinan maksud *al-'ilm* di sisi tokoh-tokoh yang dinyatakan itu bukanlah *al-'ilm al-yaqini* atau *al-'ilm al-daruri*, tetapi ialah *al-'ilm al-nazari* atau *al-'ilm al-muktasab*. Misalnya, ulasan Ibn Qudamah mengenai pandangan Imam Ahmad menunjukkan terhasilnya *al-'ilm* adalah berdasarkan *qara'in*. Begitu juga apa yang disebut oleh al-Sam'ani (1999: 1/333) bahawa kebanyakan ahli hadis berpendapat, khabar-khabar yang dinilai oleh ahli pakar sebagai sahih serta diriwayatkan oleh perawi-perawi yang sabit lagi *thiqah* itu menghasilkan *al-'ilm*, menunjukkan bahawa terhasilnya *al-'ilm* adalah berdasarkan *qara'in*, sama sepertimana isu hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang telah disinggung di atas. Dawud al-Zahiri pula menurut al-Sam'ani, menyebutnya sebagai *al-'ilm al-istidlali*, yang hakikatnya seerti dengan *al-'ilm al-nazari* atau *al-'ilm al-muktasab* (iaitu *al-'ilm* terhasil dengan sebab *istidlal*, *nazar* atau *iktisab*).

Manakala Ibn 'Abd al-Bar (w. 463H) mengguna pakai istilah *al-'ilm al-zahir*. Kata beliau:

“Golongan yang ramai daripada ahli athar dan sebahagian ahli nazar mengatakan ianya (khabar ahad) menghasilkan al-'ilm al-zahir dan amal sekaligus. Antara mereka ialah al-Husayn al-Karabisi dan lain-lain. Manakala Ibn Khuwaz Bindadh (atau Ibn Khuwayz Mindadh) menyebut bahawa pendapat ini dikeluarkan menurut mazhab Malik” (Ibn 'Abd al-Bar, 1387: 1/8).

Istilah *al-'ilm al-zahir* sebenarnya adalah seerti dengan makna 'zan yang kuat' atau 'zan yang ghalib'. Imam al-Ghazali menjelaskan:

“Apa yang dihikayatkan daripada para muhaddithin bahawa yang demikian itu menghasilkan al-‘ilm, maka berkemungkinan maksud mereka ialah ianya menghasilkan ilmu tentang kewajipan beramal, kerana zan juga boleh dinamakan sebagai ‘ilm (yakni zan yang kuat/ghalib). Sebab itu kata sesetengah mereka, ia menghasilkan al-‘ilm al-zahir, sedangkan al-‘ilm tidak mempunyai zahir dan batin, akan tetapi ia sebenarnya adalah zan.” (al-Ghazali t.th.: 2/179; al-Zarkasyi 1994: 6/135-136).

Berpandukan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa kemungkinan tiada seorang tokoh besar pun yang mengatakan hadis *ahad* menghasilkan al-‘ilm al-yaqini atau al-‘ilm al-daruri sama sepertimana status hadis *mutawatir*, dan ia merupakan pendapat yang amat lemah.

Orang pertama yang dikesan memasukkan pembahagian dan perbahasan *mutawatir* dan *ahad* ke dalam disiplin ‘ulūm al-ḥadīth ialah al-Khatib al-Baghdadi (w. 463H) di dalam kitabnya *al-Kifayah*. Kemudian baru diikuti oleh pengarang-pengarang ‘ulūm al-ḥadīth lain (al-‘Awni, 1996: 91- 97).

ii. Syarat-syarat Perawi

Perawi hadis merupakan orang yang bertanggungjawab dalam meriwayatkan hadis-hadis Nabi SAW. Justeru, ia perlu memenuhi dan melepasi kriteria tertentu agar riwayatnya dapat diterima. Menurut al-Ghazali (t.th. 2/223), syarat-syarat perawi ialah:

- a) Mukallaf
- b) *Dabit*
- c) Muslim
- d) ‘Adil

Syarat ‘*adil* menurut al-Ghazali (t.th. 2/231) menunjukkan keistiqamahan hidup dan agama, yang disimpulkan sebagai suatu sifat yang teguh di dalam jiwa yang mendorongnya untuk memelihara ketakwaan dan maruah diri sehingga terhasilnya rasa percaya orang lain terhadap sikap jujurnya.

al-Syirazi (1995: 161) menyatakan, sifat perawi yang boleh diterima riwayatnya ialah:

- a) Mumayyiz yang *dabit* (tidak semestinya baligh).
- b) ‘Adil lagi menjauhi dosa besar dan semua perkara yang boleh menjatuhkan maruah.
- c) *Thiqah* lagi amanah.
- d) Bukan ahli bidaah yang menyeru orang kepada bidaahnya
- e) Bukan *mudallis* (yang mengaburkan sanad)
- f) Berkeadaan *dabit* sewaktu meriwayatkannya dan memahami apa yang diriwayatkan.

Adapun riwayat ahli bidaah, maka para ulama berselisih mengenainya kepada tiga pendapat (al-Zarkasyi 1994: 6/144-146):

- a) Pertama, ditolak riwayatnya secara mutlak kerana ia fasik dengan sebab bidaahnya itu. Ini merupakan pendapat al-Qadi ‘Abd al-Wahhab, Abu Mansur al-Baghdadi dan Abu Ishaq al-Syirazi.
- b) Kedua, boleh diterima sama ada dia menyeru kepada bidaahnya atau pun tidak, dengan syarat dia daripada kalangan orang yang tidak menghalalkan

- pendustaan. Imam al-Syafii kelihatan cenderung kepada pandangan ini. Begitu juga al-Mawardi, al-Ruyani dan Ilkiya al-Tabari.
- c) Ketiga, tidak boleh diterima jika dia menyeru kepada bidaahnya, namun boleh diterima jika dia tidak menyeru kepada bidaahnya. Ini merupakan pendapat Sulaym, satu riwayat daripada Malik, Ahmad dan lain-lain. Malah, di dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* banyak didapati hadis-hadis perawi yang sedemikian. Ibn Hibban menyatakan bahawa ini merupakan ijmak ahli hadis.

iii. Syarat-syarat Penerimaan Khabar *Ahad*

Bagi ulama Syafii, tiada penambahan lain bagi syarat-syarat penerimaan khabar *ahad* selain syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi perawi di atas. Demikian juga ulama Hanbali (al-Zuhayli 1986: 1/473).

Justeru, menurut mazhab Syafii dan lain-lain boleh beramal dengan khabar *ahad* sama ada pada perkara atau urusan yang melibatkan semua orang ataupun tidak. Ini berlawanan dengan mazhab Hanafi yang menyatakan tidak boleh beramal dengan khabar *ahad* pada perkara atau urusan yang melibatkan semua orang (al-Syirazi 1995: 157).

Menurut mazhab Syafii boleh beramal dengan khabar *ahad* walaupun bercanggah dengan *qiyas*. Ini berlawanan dengan mazhab Hanafi dan mazhab Maliki yang menyatakan tidak boleh beramal dengan khabar *ahad* sekiranya bercanggah dengan *qiyas* (al-Syirazi 1995: 157).

Ulama Hanafi juga menyatakan tidak boleh beramal dengan khabar *ahad* jika amalan perawi bercanggah dengan riwayatnya. Manakala ulama Maliki pula menyatakan tidak boleh beramal dengan khabar *ahad* jika bercanggah dengan '*amal ahl al-Madinah*' (amalan penduduk Madinah) (al-Subki, 2003: 67).

iv. *al-Jarh wa al-Ta'dil*

al-Jarh wa al-ta'dil merupakan ilmu yang penting di dalam seni pengkritikan sanad hadis. Dengan mengetahuinya, dapat diperiksa dan dipastikan kredibiliti seseorang perawi hadis. al-Syirazi (1995: 163-166) membahagikan perawi hadis kepada tiga jenis iaitu:

- Orang yang diketahui adil, seperti para sahabat RA dan tokoh-tokoh tabiin. Maka, riwayat mereka wajib diterima.
- Orang yang diketahui fasik, sama ada disebabkan takwil atau pun tidak. Maka, riwayatnya tidak boleh diterima.
- Orang yang *majhul* keadaannya, dan riwayatnya tidak boleh diterima sehinggalah dapat disabitkan sifat adilnya. Ini berlawanan dengan pandangan *ashab* Abu Hanifah yang menyatakan boleh diterima.

Menurut al-Syirazi (1995: 166), *al-ta'dil* tidak boleh diterima kecuali daripada orang yang mengetahui syarat-syarat perawi adil dan perkara yang boleh menyebabkan fasik. Manakala *al-jarh* pula tidak boleh diterima kecuali diterangkan sebabnya dan tidak memadai sekadar dikatakan: "daif" atau "fasik". Ini kerana orang berbeza-beza pendapat dalam menolak sesuatu khabar dan menilai seseorang sebagai fasik. Boleh jadi ia mempercayai sesuatu perkara itu sebagai *jarh*, sedangkan pada hakikatnya bukan *jarh*. Justeru itu, wajib diterangkan sebabnya.

Sehubungan itu, sekiranya seorang perawi *dita'dilkan* oleh satu pihak dan *dijarhkan* oleh satu pihak yang lain, maka perlu didahulukan *jarh* ke atas *ta'dil*. Ini

kerana ada pada pihak yang *menjarhkan* maklumat tambahan yang tidak ada pada pihak yang *menta'dilkan* (al-Syirazi 1995: 167).

Adapun para sahabat Nabi SAW, maka kesemua mereka adalah adil sama ada yang terlibat dengan fitnah atau pun tidak (al-Syirazi 1995: 163; al-Juwayni, 1399: 625).

v. Kaedah *al-Tahammul wa al-Ada'*

Dalam hal periwayatan, terdapat kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh para perawi dalam menerima dan meriwayatkan hadis. Menurut al-Ghazali (t.th. 2/262), terdapat lima kaedah periwayatan iaitu:

- a) Syeikh membaca kepadanya
- b) Membaca kepada syeikh
- c) Ijazah
- d) *Munawalah*
- e) Berpegang kepada bentuk tulisan (*wijadah*)

Lafaz-lafaz periwayatan juga kelihatannya ditekankan oleh ulama *usul al-fiqh*. Misalnya di dalam matan *al-Waraqat* yang cukup ringkas, Imam al-Haramayn al-Juwayni sempat menyatakan bahawa sekiranya syeikh membaca kepadanya, maka harus bagi perawi meriwayatkannya dengan lafaz '*haddathani* atau *akhbarani*'. Namun, sekiranya dia yang membaca kepada syeikh, maka dia perlu meriwayatkannya dengan lafaz '*akhbarani*' sahaja dan tidak boleh dengan lafaz '*haddathani*'. Manakala jika syeikh memberikannya ijazah tanpa sebarang pembacaan, maka dia perlu meriwayatkannya dengan lafaz '*ajazani* atau *akhbarani ijazatan*' (al-Juwayni, 1415: 30).

vi. Kaifiat Periwayatan

Para ulama *usul al-fiqh* turut membincangkan tentang keharusan meriwayatkan hadis secara makna. Menurut al-Syirazi, seorang perawi perlu meriwayatkan sesuatu khabar dengan lafaz asalnya dan ini merupakan cara yang terbaik. Sekiranya ia meriwayatkannya dengan makna, maka perlu dilihat sama ada ia mengetahui makna hadis atau pun tidak. Jika ia tidak mengetahui makna hadis, maka tidak harus ia berbuat demikian. Jika ia mengetahui makna hadis pula, maka perlu dilihat sama ada ia khabar yang ada *ihtimal* (خبر محتمل) atau khabar yang zahir nyata (خبر ظاهر). Jika ia khabar yang *berihtimal*, maka tidak harus ia meriwayatkannya dengan makna kerana kemungkinan lafaz dirinya tidak menepati kehendak Rasulullah SAW. Manakala jika ia khabar yang zahir nyata pula, maka ada yang berpendapat tidak harus dan ada yang berpendapat harus, dan inilah yang paling sahih (al-Syirazi 1995: 168).

Meskipun majoriti berpendapat harus, namun periwayatan hadis secara makna boleh menjadi faktor ('*illah*) yang menyebabkan sesuatu hadis ditolak jika ia bercanggah dengan riwayat yang lebih kuat (al-Subki, 1404: 3/223).

Sekiranya perawi meriwayatkan suatu hadis daripada seorang syeikh, kemudian syeikh berkenaan lupa hadis tersebut, maka ini tidak menggugurkan hadis. Adapun jika syeikh tersebut mengingkari hadis berkenaan serta mendustakan perawi, maka barulah hadis itu gugur (al-Syirazi 1995: 170).

vii. Hadis Mursal

Terdapat perselisihan ulama dalam mendefinisikan hadis mursal. Menurut al-Zarkasyi, hadis mursal di sisi jumhur muhaddithin ialah seorang tabii tidak menyebut perantara di antara dirinya dan Rasulullah SAW, seperti kata Sa'id bin al-Musayyib: "Rasulullah SAW bersabda". Manakala di sisi usuliyyin pula, mursal ialah orang yang tidak pernah bertemu dengan Nabi SAW berkata: "Rasulullah SAW bersabda", maka sama ada ia seorang tabii, tabi' tabii atau pun yang sesudahnya. Justeru, definisi usuliyyin ini adalah lebih umum (al-Zarkasyi 1994: 6/338).

Para ulama juga berbeza pendapat tentang kehujahan hadis mursal. Menurut mazhab al-Syafii, hadis mursal yang diriwayatkan oleh selain sahabat RA walaupun *thiqah* adalah ditolak kecuali mursal Sa'id bin al-Musayyib yang telah dipastikan asalnya bersambung sanadnya dan tidak terputus. Pendapat ini bertentangan dengan mazhab Abu Hanifah dan Malik yang menerima hadis mursal. (al-Syirazi 1995: 159; al-Ghazali, t.th. 2/281). Begitu juga dengan riwayat yang paling masyhur daripada Ahmad (al-Zarkasyi 1994: 6/340).

Bagaimanapun, al-Juwayni (1399: 640) menyebut: "Aku telah menemui kata-kata al-Syafii yang menunjukkan bahawa sekiranya tidak ditemukan melainkan mursal sahaja, di samping adanya penilaian adil secara umum, maka ianya boleh diamalkan. Maka, seolah-olahnya penolakan beliau terhadap mursal adalah pada situasi mendahulukan musnad ke atasnya." Namun, al-Zarkasyi (1994: 6/353) mengkritik kenyataan ini dengan katanya: "Apa yang dihiyakan oleh Imam al-Haramayn daripada al-Syafii ini adalah *gharib* dan ia sesuatu yang lemah. Ia turut disebut oleh al-Mawardi, namun Ibn al-Sam'ani telah bertegas dalam mengkritiknya serta berkata: Ini di sisiku, bertentangan dengan mazhab al-Syafii". Kemudian beliau membawakan teks Imam al-Syafii dalam kitab *al-Risalah* dan mengeluarkan 13 syarat dan istinbat daripadanya (al-Zarkasyi 1994: 6/356-367).

viii. Percanggahan dan *tarjih* berkaitan hadis

Di dalam disiplin *uṣūl al-fiqh*, dibincangkan mengenai percanggahan dan *tarjih* berkaitan hadis yang turut dibincangkan oleh disiplin *'ulūm al-ḥadīth* di bawah judul: *mukhtalif al-hadith*. Bagaimanapun, perbincangannya di dalam *uṣūl al-fiqh* didapati lebih luas lagi.

Menurut al-Syirazi (1995: 172), hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah* atau dengan kata lain hadis yang sahih, boleh ditolak jika bertentangan dengan perkara-perkara berikut;

- i. Bertentangan dengan logik akal. Maka, dapat diketahui kebatilannya kerana syarak itu datang dengan perkara-perkara yang boleh diterima oleh akal. Adapun yang bercanggah dengan akal, maka tidak sekali-kali.
- ii. Bertentangan dengan nas al-Quran atau sunnah yang mutawatir. Maka, dapat diketahui bahawa ia tidak ada asalnya atau pun *mansukh*.
- iii. Bertentangan dengan ijmak ulama. Maka, ini menunjukkan sama ada ianya *mansukh* atau pun tidak ada asalnya, kerana tidak mungkin wujud hadis sahih yang tidak *mansukh*, lalu ulama bersepakat menyalahinya.
- iv. Seseorang bersendirian dalam meriwayatkan sesuatu yang wajib ke atas semua orang mengetahuinya. Maka, ini menunjukkan bahawa ianya tidak

ada asalnya, kerana tidak mungkin wujud hadis yang mempunyai asal, namun hanya dia seorang sahaja yang bersendirian mengetahuinya di antara majoriti orang ramai yang besar.

- v. Seseorang bersendirian dalam meriwayatkan sesuatu yang pada adat kebiasaannya diriwayatkan oleh bilangan orang yang *mutawatir*. Maka, ia tidak dapat diterima kerana tidak mungkin dia bersendirian sahaja dalam meriwayatkan perkara yang seumpama ini.

Sekiranya dua buah khabar saling bercanggah, maka jika mampu dijamakkan (diharmonikan) antara kedua-duanya maka hendaklah dijamakkan. Jika tidak mampu, maka perlu dilihat sama ada salah satunya *menaskhkan* yang satu lagi. Jika tidak ada pula, maka perlu *ditarjihkan* salah satunya ke atas yang satu lagi dengan salah satu daripada bentuk-bentuk *pentarjihan*. al-Syirazi telah menyenaraikan sebanyak 24 bentuk-bentuk *tarjih*, iaitu 12 pada sanad dan 12 lagi pada matan (al-Syirazi 1995: 173-174)

Susunan daripada *jam'*, *naskh* serta *tarjih* ini adalah menurut susunan jumhur ulama. Adapun di sisi ulama Hanafi, susunannya ialah *naskh*, *tarjih* serta *jam'* (al-Zuhayli 1986: 1/482). Perbahasan *al-nasikh* dan *al-mansukh* secara khusus pula merupakan perbahasan yang begitu ditekankan oleh ulama usul di dalam disiplin *usul al-fiqh*.

ix. *Ziyadah al-Thiqah*

Ziyadah al-thiqah ialah penambahan dalam riwayat seorang perawi *thiqah* yang tidak ada di dalam riwayat perawi lain. Para ulama berselisih pendapat dalam menerima riwayatnya.

Menurut al-Syirazi (1995: 172), jika seorang perawi *thiqah* bersendirian meriwayatkan sesuatu hadis yang tidak diriwayatkan oleh perawi lain, maka ia tidak boleh ditolak walaupun ia *memusnadkan* apa yang *dimursalkan* oleh yang lain, *memarfu'*kan apa yang *dimawqufkan* oleh yang lain atau terdapat tambahan yang tidak dinukilkan oleh yang lain. Maka, tidak boleh ditinggalkan riwayat perawi yang *thiqah* tanpa sebab.

Demikian juga pandangan al-Ghazali (t.th. 2/275) dalam *al-Mustasfa*. al-Baydawi (2006: 79) memperincikan, sekiranya penambahan salah seorang perawi itu dalam keadaan berbeza-beza tempat atau masa berlakunya, maka penambahan tersebut boleh diterima. Namun, sekiranya ia pada tempat atau masa yang sama, maka penambahan tersebut boleh diterima dengan syarat telah berlaku kecuaiian pada para perawi lain tanpa ada perubahan pada susunan bahasa yang selebihnya. Adapun sekiranya didapati tidak berlaku kecuaiian pada para perawi lain, maka penambahan tersebut tidak boleh diterima. Dan sekiranya ada perubahan pada susunan bahasa pula (bukan penambahan), maka perlulah dibuat *pentarjihan*.

x. *Qawl al-Sahabi*

Qawl al-sahabi merupakan kata-kata yang diriwayatkan daripada sahabat Nabi SAW. Istilah ini adalah seerti dengan khabar *mawquf* menurut istilah '*ulūm al-ḥadīth*'. Ia termasuk dalil yang diperselisihkan kehejumannya oleh para ulama. Imam al-Syafii sendiri berbeza pandangannya antara *al-qawl al-qadim* dengan *al-qawl al-jadid*.

Imam al-Haramayn al-Juwayni (w. 478H) menyebut di dalam matan *al-Waraqat*: “Kata-kata seseorang daripada kalangan sahabat RA bukanlah hujah ke atas yang lain, menurut *al-qawl al-jadid*.” (al-Juwayni, 1415: 28).

Namun Imam Taqiy al-Din al-Subki (w. 756H) menambah, *qawl al-sahabi* bukan hujah melainkan sekiranya ia berbentuk *ta‘abbudi* (al-Subki, 2003: 110). Iaitu perkara yang tidak ada ruang padanya untuk menggunakan *qiyas* atau *ijtihad* dan tidak mungkin ia disampaikan berdasarkan cetusan akal fikiran semata-mata. Justeru, ia mempunyai hukum *marfu‘* yang berkemungkinan datang daripada Nabi SAW.

Adapun *qawl al-sahabi* yang tidak mempunyai hukum *marfu‘*, al-Zuhayli (1986: 2/852) merumuskan, mazhab yang menganggap *qawl al-sahabi* sebagai hujah ialah mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali. Manakala mazhab Syafii tidak menganggap *qawl al-sahabi* sebagai hujah.

6. Kesimpulan

Demikianlah perbincangan-perbincangan penting berkaitan *‘ulūm al-ḥadīth* yang terdapat di dalam karya-karya *usul al-fiqh* mazhab Syafii. Sumbangan mereka dalam perbincangan *‘ulūm al-ḥadīth* ini wajar dicatatkan dalam sejarah perkembangan disiplin *‘ulūm al-ḥadīth* yang lebih awal sebelum Ibn al-Ṣalāh (w. 643 H). Kesamaan yang wujud antara kedua-dua bidang ilmu ini perlu diselaraskan secara kolaborasi, di samping mengenal pasti perbezaan yang pasti ada pada kedua-duanya. Di antara perbezaan penting antara ulama *uṣūl al-fiqh* dan ulama *‘ulūm al-ḥadīth* ialah ulama *uṣūl al-fiqh* lebih tertumpu kepada soal nilai, skop pendalilan serta kaedah penerimaan dan penolakan hadis secara umum (ijmal) sesuai dengan definisinya, berbanding dengan ulama *‘ulūm al-ḥadīth* yang lebih menekankan pemerincian terhadap status hadis, sama ada sahih, hasan, daif, *munkar*, *mu‘allal*, *syadh*, *mudtarib* dan sebagainya serta perbincangan sanad dan matan hadis dari segenap aspeknya secara detail. Namun, ini tidak menafikan kebolehan untuk berlakunya integrasi di antara kedua-dua bidang ilmu. Antara yang menarik, terdapat sebuah kitab *‘ulūm al-ḥadīth* yang terpengaruh dengan susunan perbincangan sunnah di dalam *uṣūl al-fiqh*, iaitu kitab *al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm Uṣūl al-Ḥadīth* susunan seorang alim dan tabib terkenal daripada mazhab Syafii, iaitu Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Abī al-Ḥazm al-Qurasyī al-Dimasyqī yang masyhur dengan gelaran Ibn al-Nafīs (w. 687 H). Kitabnya terdiri daripada lima buah bab, iaitu pertama mengenai *al-khabar al-maqṭū‘ bi ṣidqihi*, kedua mengenai *al-khabar al-maẓnūn bi ṣidqihi*, ketiga mengenai *taḥammul al-ḥadīth*, keempat mengenai *aḥwāl al-ruwāh* dan kelima mengenai *tawābi‘ ‘ilm al-ḥadīth*.

RUJUKAN

- al-‘Awni, S. H. (1996). *al-Manhaj al-Muqtarah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
al-Amidi, A. M. (1404). *al-Ihkam fī Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
al-Baghdadi, A. M. (1981). *Usul al-Din*. Cet. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
al-Baydawi, A. (2006). *Minhaj al-Wusul ila ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah Nasyirun.
al-Ghazali, A. H. (t.th.). *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Madinah: t.pt.
al-Halbusi, Qaysar Hamad. (2013). *Usul al-Fiqh wa Atharuhu fī ‘Ulum al-Hadith*. [Atas talian] <http://isscj.edu.iq/145> (diakses pada 4 November 2018).

- al-Jassas, A. (1994). *al-Fusul fi al-Usul*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf al-Kuwaytiyyah.
- al-Juwayni, A. M. (1399). *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Qatar: t.pt.
- al-Juwayni, A. M. (1415). *Matn al-Waraqat*. Jeddah: Maktabah al-'Ilm.
- al-Kawthari, M. Z. (2004a). *Husn al-Taqadi fi Sirah al-Imam Abi Yusuf al-Qadi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Kawthari, M. Z. (2004b). *Bulugh al-Amani fi Sirah al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Syaybani*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Khin, M. S. (2000). *Abhath Hawla Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- al-Khin, M. S. (2010). *Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawa'id al-Usuliyyah fi Ikhtilaf al-Fuqaha'*. Cet. 11. Damsyik: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- al-Nasafi, A. B. (1326). *Manar al-Anwar fi Usul al-Fiqh*. t.tp.: Matba'ah Ahmad Kamil.
- al-Sam'ani, A. M. (1999). *Qawati' al-Adillah fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Subki, A. (1404). *al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Subki, T. (2003). *Jam' al-Jawami'*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Syirazi, A. I. (1995). *al-Luma' fi Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- al-Tarmasi, M. M. (t.th.). *Manhaj Dhawi' al-Nazar*. Surabaya: al-Haramayn.
- al-Turkamani, A. M. (2009). *Dirasat fi Usul al-Hadith 'ala Manhaj al-Hanafiiyyah*. Karachi: Maktabah al-Sa'adah.
- al-Zarkasyi, B. (1994). *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutubi.
- al-Zuhayli, W. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Haji Khalifah, M. A. (1994). *Kasyf al-Zunun*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Abd al-Bar, A. (1387). *al-Tamhid li-ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Maroko: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Ibn al-Hajib, U. (1326). *Muntaha al-Wusul wa al-Amal fi 'Ilmay al-Usul wa al-Jadl*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.
- Ibn al-Nafis, A. (1991). *al-Mukhtasar fi 'Ilm Uşul al-Hadith*. Ditahkik oleh Yūsuf Zaydān. Kaherah: al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah.
- Ibn Hajar, A. (1996). *Nuzhah al-Nazar Syarh Nukhbah al-Fikar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khaldun, A. (t.th.). *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Qudamah, M. (2009). *Rawdah al-Nazir wa Junnah al-Munazir*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nasyirun.
- Soroni, M. K. (2018). Sumbangan Ulama Mazhab Hanafi dalam Pembukuan 'Ulum Al-Hadith. *HADIS*, Vol. 8, No. 16, 40-62.

BIOGRAFI PENULIS

Mohd. Khafidz bin Soroni @ Hj. Ahmad Mughni, anak jati kelahiran Selangor. Memperoleh Sarjana Usuluddin di Universiti Malaya (UM) pada tahun 2008 dalam bidang al-Quran dan al-Hadith dengan disertasi bertajuk: *Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah: Riwayat Hidup dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadis*. Beliau juga memegang Sarjana Muda Usuluddin dalam bidang al-Hadith dan 'Ulum al-Hadith daripada Universiti al-Azhar cawangan Tanta, Mesir pada tahun 1998. Beliau banyak menulis buku dan kertas kerja yang dibentangkan di seminar-

seminar kebangsaan dan antarabangsa. Penulisan beliau merangkumi bidang pengajian hadis dan *'ulum al-hadith*. Kini bertugas di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sejak tahun 2002. Beliau turut banyak terlibat dengan aktiviti penyelidikan dan penerbitan di Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD). Beliau boleh dihubungi pada alamat e-mel: mohdkhafidz@kuis.edu.my

